



PENGAJARAN BERKESAN GURU BAHASA ARAB DI PAHANG

Mushir Bin Ahmad

Kementerian Pendidikan Malaysia

[*walidmuazzin80@gmail.com*](mailto:walidmuazzin80@gmail.com)

Muhammad Azhar bin Zailani

Fakulti Pendidikan Universiti Malaya

[*azhar@um.edu.my*](mailto:azhar@um.edu.my)

ABSTRAK

Kajian ini dijalankan bertujuan bagi memenuhi beberapa objektif iaitu mengenal pasti amalan pengajaran berkesan guru bahasa Arab di Pahang, mengenalpasti perbezaan yang signifikan terhadap amalan pengajaran berkesan dari aspek jantina dan lokasi sekolah serta mengetahui wujud perkaitan antara amalan pengajaran pengajaran berkesan guru dengan pencapaian pelajar. Sampel yang dipilih terdiri daripada 300 orang pelajar tahun 6 sekolah kebangsaan (SK) di Pahang. Soal selidik yang digunakan dalam kajian ini telah diubahsuai dan direvisi daripada kajian penyelidikan dahulu tentang amalan pengajaran berkesan oleh Shahril@Charil Marzuki (2004) berdasarkan model Slavin (1987). Dapatan kajian menunjukkan bahawa menurut pandangan pelajar, amalan pengajaran berkesan guru Bahasa Arab di Pahang adalah sederhana dengan domain tertinggi adalah insentif diikuti oleh masa, kesesuaian aras pengajaran dan domain terendah adalah kualiti pengajaran. Di samping itu, dapatan kajian turut memaparkan terdapat perkaitan yang positif antara kualiti pengajaran, insentif dan masa dengan pencapaian pelajar.

Kata Kunci: Pengajaran Berkesan, Model Slavin, Kualiti Pengajaran, Insentif, Kesesuaian Aras Pengajaran.



PENDAHULUAN

Dalam lapangan pendidikan, guru bertanggungjawab menyampaikan ilmu kepada pelajar secara berkesan dan memberi makna. Ini termasuklah memastikan amalan pengajaran guru menepati kehendak pelajar, berkualiti, menepati tahap kebolehan mereka, memberi dorongan dan semangat serta berupaya menguruskan waktu dengan baik. Pengajaran guru yang berkesan di sekolah mampu menghadirkan peningkatan dalam pencapaian akademik pelajar berdasarkan kepada kajian-kajian lampau. Dengan kata lain, peningkatan pelajar dalam peperiksaan merupakan impak dari amalan pengajaran guru yang berkesan menurut Marzano & Marzano (2003). Oleh itu faktor Pdp guru dalam pendidikan menjadi indikator utama dalam menentukan hala tuju pencapaian dan kejayaan pelajar di sekolah.

Secara umumnya pengajaran berkesan bergantung sepenuhnya kepada corak pembelajaran pelajar sendiri dan bukan kesan daripada pengajaran guru. Menurut Carroll (1963), pelajar dilihat lebih berautonomi dan bebas untuk membuat keputusan samada untuk belajar ataupun tidak. Sekiranya sikap dan motivasi pelajar terhadap pelajaran itu tinggi maka kesannya pelajar akan menjadi tekun serta bersemangat untuk memahami sesuatu konsep atau kemahiran dengan mudah. Sebaliknya jika terdapat faktor luar atau faktor dalaman pelajar sendiri yang mempengaruhi fikiran pelajar agar tidak meneruskan pembelajaran, maka guru sebagai pengajar tidak boleh berbuat apa-apa. Slavin (1987) melihat model sebelumnya yang diperkenalkan oleh Carroll (1963) mempunyai sedikit kelemahan iaitu wujudnya faktor yang dikawal oleh guru dan faktor di bawah kawalan pelajar. Model Slavin (1984) adalah model pengajaran berkesan yang hanya memberi penekanan kepada faktor-faktor yang boleh dikawal oleh satu pihak sahaja iaitu guru.

Menurut Slavin (1984) terdapat 4 elemen utama terkandung dalam pengajaran berkesan iaitu Kualiti Pengajaran (*Quality of Instruction*), Kesesuaian aras pengajaran (*Appropriate level of instruction*), Insentif (*Incentive*) dan Masa (*Time*). Kualiti pengajaran bermaksud sejauhmana tahap pengajaran seseorang guru menyampaikan maklumat dan kemahiran dapat memberi makna serta menarik minat



pelajar agar dapat belajar dengan mudah. Menurut Rubina (2010), maklumat yang bermakna membolehkan pelajar mengaitkan pengetahuan sedia ada dengan maklumat yang baru disampaikan oleh guru. Oleh yang demikian guru perlu menyusun maklumat yang ingin diajar kepada pelajar dalam bentuk yang mudah difahami, beserta contoh-contoh yang sesuai, penerangan yang jelas dan laras bahasa yang jelas, ringkas dan mudah difahami (Abdul Razak & Rashidi Azizan, 1997).

Kesesuaian aras pengajaran memberi makna pengajaran oleh guru perlu menepati tahap kebolehan dan keupayaan pelajar. Carroll (1963) menyatakan bahawa tahap kebolehan dan keupayaan pelajar terhadap pengajaran guru terletak kepada kesediaan pelajar untuk belajar. Guru memainkan peranan yang besar dalam memastikan pengajaran mereka di sekolah bersesuaian dengan tahap kebolehan dan perbezaan individu pelajar terbabit.

Insentif didefinisikan sebagai tahap keupayaan guru memotivasikan pelajar untuk terus belajar dan menyempurnakan semua tugas yang diberikan. Elemen motivasi di dalam pengajaran guru dilihat sebagai faktor penting serta menjadi pendorong pelajar untuk belajar (Ayotte, 2004) dan juga antara kunci kejayaan pembelajaran. Motivasi yang dimaksudkan terdiri dari motivasi dalaman atau "*intrinsik*" dan motivasi luaran atau "*ekstrinsik*". Dari sudut pembelajaran bahasa pula, Gardner membahagikan motivasi kepada dua dimensi iaitu "integrasi" dan "instrumental". Integrasi bermakna penekanan terhadap minat mempelajari bahasa serta minat terhadap komuniti tersebut serta cuba mengasimilasikan budaya bahasa yang dipelajari. Manakala "instrumental" pula merujuk kepada keinginan mempelajari bahasa untuk tujuan tertentu seperti lulus peperiksaan atau mendapatkan pekerjaan. Menurut Slavin terdapat dua cara bagi memastikan pelajar sentiasa bermotivasi untuk belajar iaitu dengan guru menyediakan pengajaran yang mampu menarik minat dan rasa seronok pelajar dengan mempelbagaikan teknik pengajaran. Manakala cara yang lain adalah dengan pemberian insentif berupa hadiah atau sekurang-kurangnya berbentuk pujian kepada pelajar yang menguasai kemahiran.



PERNYATAAN MASALAH

Amalan pengajaran berkesan guru di sekolah menjadi perkara utama dalam membentuk sikap dan komitmen pelajar untuk belajar (Rohani Arbaa, Hazri Jamil & Nordin Abd Razak, 2010). Sikap dan komitmen pelajar untuk belajar terhasil daripada amalan pengajaran guru yang mana menekankan aspek kualiti dalam pengajaran, meraikan setiap tahap kebolehan guru dengan menggunakan pendekatan pengajaran yang sesuai, memotivasikan pelajar dan mengajar berpandukan aras kebolehan pelajar (Sharil@Charil Hj Marzuki, 2004). Selain itu, pengajaran guru yang berkesan turut memberi impak kepada penerimaan pelajar berpandukan jantina. Pelajar perempuan berpandangan guru mengamalkan amalan pengajaran berkesan dan menunjukkan komitmen belajar yang lebih baik daripada pelajar lelaki (Rohani Arbaa et.al, 2010).

Begitu juga dalam penyelidikan pendidikan bahasa khususnya bahasa Arab, didapati kelemahan pelajar menguasai bahasa Arab didapati mempunyai perkaitan dengan faktor kelemahan pengajaran guru (Zawawi Ismail et.al, 2011 & Osman Hj. Khalid et.al, 1994). Faktor ini juga mempengaruhi penurunan bilangan yang menguasai bahasa Arab di peringkat sekolah kebangsaan (Rahim@Saleh Ramly, 2009).

OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ini dijalankan untuk:


1. Mengenal pasti amalan pengajaran berkesan Guru Bahasa Arab di Pahang.
2. Mengenal pasti perbezaan terhadap amalan pengajaran berkesan dari segi jantina dan lokasi sekolah.
3. Mengetahui sama ada wujud perkaitan antara amalan pengajaran berkesan guru dengan lokasi sekolah

Soalan kajian ini ialah:

1. Apakah amalan pengajaran berkesan guru-Guru Bahasa Arab di Pahang?
2. Adakah terdapat perbezaan terhadap amalan pengajaran berkesan dari segi jantina dan lokasi sekolah?
3. Apakah wujud perkaitan antara pengajaran berkesan guru dengan pencapaian akademik pelajar?

KERANGKA TEORITIKAL KAJIAN

Kerangka teori kajian ini adalah berdasarkan model input-ouput. Input adalah berdasarkan model Slavin (1994) yang mengatakan bahawa pengajaran guru yang berkesan di pengaruhi oleh empat faktor: kualiti pengajaran, kesesuaian aras pengajaran, insentif dan masa yang merupakan pembolehubah tidak bersandar. Manakala output pula adalah peningkatan dalam pencapaian akademik pelajar yang merupakan pembolehubah bersandar. Lihat rajah 1.1 dibawah.



Rajah 1.1 : Kerangka teoretikal kajian yang diadaptasi daripada Model Slavin (1987)

INSTRUMEN KAJIAN

Satu set instrument kajian telah dibina yang mengandungi 26 item dan di bahagikan kepada empat sub-skala bagi mengukur amalan pengajaran berkesan berdasarkan model Slavin. Bagi sub- skala kualiti pengajaran mengandungi 11 item, kesesuaian aras pengajaran 7 item, manakala insentif mengandungi empat item dan masa mengandungi empat item, Borang soal selidik ini berbentuk skala Likert empat poin . Responden hanya perlu membulatkan nombor-nombor yang dipilih dan dipersetujui.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini telah dijalankan di beberapa buah sekolah di Pahang. Responden kajian terdiri daripada pelajar-pelajar Tahun 6 di sekolah yang berkenaan. Seramai 300 orang pelajar telah

dipilih sebagai responden. Kajian ini adalah untuk meninjau persepsi pelajar terhadap pengajaran guru di dalam kelas berdasarkan model pengajaran berkesan Slavin.

Satu analisis data telah dilakukan untuk mendapatkan koefisien alpha dan didapati keempat-empat sub skala ini mempunyai keesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi, iaitu antara .94-.95. Ini adalah satu petunjuk yang baik tentang kebolehpercayaan instrumen tersebut dalam mengukur item-item yang hendak diukur. Manakala penyelidik juga telah melakukan ujian realibiliti SPSS ke atas 26 item Soal Selidik melalui ujian rintis berkaitan Amalan Pengajaran Berkesan Guru. Pekali Kebolehpercayaan yang diperoleh ialah .898. Pentafsiran pekali kepercayaan yang boleh diterima mengikut peramal penyelidik dalam sains sosial ialah lebih daripada = .60. Nilai alpha Cronbach bagi setiap konstruk ialah Kualiti Pengajaran = .801, Kesesuaian aras pengajaran = .654, Insentif = .615 manakala Masa = .674.

ANALISIS DATA

Ringkasan analisis data bagi setiap soalan kajian adalah berdasarkan jadual 2 dibawah:

Soalan Kajian	Justifikasi / Penerangan	Jenis Ujian
Apakah amalan pengajaran berkesan guru-guru Bahasa Arab di Pahang?	Penyelidik menentukan tahap amalan pengajaran berkesan Model Slavin (1987).	Statistik Deskriptif (min dan sisihan piawai)
Adakah terdapat perbezaan terhadap amalan pengajaran berkesan dari segi jantina dan lokasi sekolah?	Menentukan amalan pengajaran guru berdasarkan faktor jantina dan lokasi sekolah.	Ujian –t min tak bersandar
Apakah wujud perkaitan antara amalan pengajaran	Penyelidik mengkaji perkaitan antara variabel iaitu Kualiti	Korelasi Pearson -r

berkesan guru dengan pencapaian pelajar?	Pengajaran, Kesesuaian Aras, Insentif dan Masa dengan pencapaian pelajar.	
--	---	--

Taburan Min dan Sisihan Piawai Amalan Pengajaran Berkesan guru

Domain	Min	Sisihan Piawai
Kualiti Pengajaran	3.01	0.52
Kesesuaian Aras Pengajaran	3.07	0.52
Insentif	3.27	0.58
Masa	3.13	0.62
Min Keseluruhan	3.08	0.47

Berdasarkan jadual yang dinyatakan, keputusan dapatan statistik deskriptif menunjukkan skor min dan sisihan piawai bagi domain amalan pengajaran berkesan yang tertinggi ialah insentif ($M = 3.27$, $SP = .58$) diikuti oleh masa ($M = 3.13$, $SP = .62$), kesesuaian aras pengajaran ($M = 3.07$, $SP = .52$) dan kualiti pengajaran ($M = 3.01$, $SP = .52$). Skor bagi keseluruhan domain amalan pengajaran berkesan ialah ($M = 3.08$, $SP = 0.47$). Sebagai rumusan, pelajar berpandangan bahawa amalan pengajaran berkesan guru adalah sederhana di mana guru mengamalkan pengajaran yang berkualiti, memastikan pengajaran yang dilaksanakan mengikut aras yang sesuai, bertindak memberi galakan untuk bersungguh-sungguh dalam pelajaran dan menguruskan waktu pembelajaran dengan baik.

Perbezaan terhadap amalan pengajaran berkesan dari segi jantina dan lokasi sekolah.

Manakala bagi perbezaan terhadap amalan pengajaran berkesan dari segi jantina pula berdasarkan jadual 4 dibawah

Jadual 4: Perbezaan Min Amalan Pengajaran Berkesan mengikut jantina (N=300).

Domain	Lelaki		Perempuan		Nilai <i>t</i>	<i>p</i> < .05
	M	SP	M	SP		
Kualiti Pengajaran	2.97	0.5	3.03	0.54	-0.967	.334
Kesesuaian Aras Pengajaran	3.07	0.48	3.08	0.55	-0.20	.841
Insentif	3.22	0.6	3.31	0.57	-1.33	.184
Masa	3.07	0.60	3.18	0.63	-1.64	.103

*signifikan pada aras .05

Min amalan pengajaran berkesan bagi kualiti pengajaran pelajar lelaki ialah 2.97 dengan sisihan piawai 0.5 manakala min pelajar perempuan pula ialah 3.03 dengan sisihan piawai 0.54 . Perbezaan min amalan pengajaran berkesan bagi domain kualiti pengajaran mengikut jantina adalah tidak signifikan di mana nilai t ialah -0.967 dan nilai p ialah .332. Dapatan menunjukkan pelajar lelaki dan perempuan berkongsi pandangan yang sama tentang kualiti pengajaran guru. Dapatan juga menunjukkan pelajar tanpa mengira perbezaan gender sama-sama bersetuju bahawa kualiti pengajaran adalah domain yang penting dalam menentukan keberkesanan amalan pengajaran guru. Mereka juga berpandangan guru mempunyai komitmen yang tinggi dalam memastikan pengajaran yang dilaksanakan dalam kelas berkualiti.

Bagi domain Kesesuaian Aras Pengajaran pula, min bagi pelajar lelaki ialah 3.07 dengan sisihan piawai 0.48. Min bagi domain yang sama bagi pelajar perempuan pula ialah 3.08 dengan sisihan piawai 0.55. Perbezaan min amalan pengajaran berkesan bagi domain kualiti pengajaran mengikut jantina adalah tidak signifikan di mana nilai t ialah -0.201 dan nilai p ialah .841. Perbezaan min bagi domain Kesesuaian Aras Pengajaran menunjukkan bahawa pelajar lelaki dan perempuan sama-sama bersetuju bahawa pengajaran guru di dalam kelas mestilah berdasarkan kepada tahap kebolehan para pelajar. Kebolehan guru mengajar berpandukan kepada aras penguasaan ialah bertujuan bagi memastikan pelajar bermasalah tidak ketinggalan dalam pelajaran dan juga untuk meraikan perbezaan di antara pelajar.

Domain yang ketiga ialah insentif. Bagi domain ini, dapatan menunjukkan min bagi pelajar lelaki ialah 3.22 dengan sisihan piawai ialah 0.60. Manakala min domain yang sama bagi pelajar perempuan pula ialah 3.31 dengan sisihan piawai 0.57. Walau bagaimanapun, perbezaan dalam domain insentif adalah tidak signifikan di mana nilai t ialah -0.201 dan nilai p ialah .332. Hal ini menunjukkan pelajar lelaki dan perempuan bersetuju bahawa domain insentif juga merupakan domain penting dalam amalan pengajaran berkesan.

Bagi domain masa, didapati min pelajar lelaki ialah 3.07 dengan sisihan piawai 0.60, manakala pelajar perempuan lebih tinggi dengan skor min ialah 3.18 dengan sisihan piawai 0.63. Perbezaan min antara pelajar lelaki dan perempuan dalam pandangan terhadap masa adalah tidak signifikan apabila nilai t ialah -1.64 dan nilai p ialah .103. Ini menunjukkan pelajar lelaki dan perempuan mempunyai pandangan yang sama terhadap domain masa kerana skor min bagi kedua-dua jantina tidak mempunyai perbezaan yang ketara. Pelajar lelaki dan perempuan bersetuju bahawa domain masa juga merupakan domain penting dalam amalan pengajaran berkesan.

Manakala Keputusan ujian $-t$ tak bersandar terhadap amalan pengajaran berkesan guru Bahasa Arab adalah seperti dalam jadual 5 bagi mengetahui sama ada min adalah berbeza secara signifikan atau tidak.

Jadual 5 : Perbezaan skor min Amalan Pengajaran Berkesan mengikut jantina pelajar

(N=300)

Jantina	N	Min	Sisihan Piawai
Lelaki	140	3.05	.46
Perempuan	160	3.11	.49

Jadual 6 : Ujian $-t$ perbandingan min skor Amalan Pengajaran Berkesan guru antara jantina

Ujian Levene		Ujian t bagi persamaan Min				
		F	Sig	t	Df	Sig.(2 Tailed)
Jantina	Varians Sama	.037	.848	-1.091	298	.27

Journal of Sciences and Management Research 2600-738X
Varians tidak sama -1.096 296.4 .274

Berpandukan jadual 6 diatas, menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara kumpulan pelajar mengikut jantina. Oleh itu, pelajar lelaki dan perempuan berpandangan sama terhadap amalan pengajaran berkesan guru, $t(298) = -1.091$, $p = .276$, $p > 0.05$. Oleh itu perbezaan antara pelajar lelaki dan perempuan adalah sama terhadap amalan pengajaran berkesan guru.

Jadual 7: Perbezaan Min Amalan Pengajaran Berkesan mengikut lokasi (N=300).

Domain	Bandar		Luar Bandar		Nilai t	$p < .05$
	M	SP	M	SP		
Kualiti Pengajaran	2.85	0.46	3.12	0.53	-04.65	.000
Kesesuaian Aras	2.96	0.52	3.16	0.49	-3.36	.001
Insentif	3.20	0.63	3.32	0.54	-1.86	.064
Masa	3.00	0.54	3.23	0.65	-3.15	.002

*SIG. = Signifikan pada aras 0.05

*T.S = Tidak Signifikan

Sepertimana dinyatakan dalam jadual 7 di atas, min amalan pengajaran berkesan domain kualiti pengajaran bagi pelajar bersekolah di bandar ialah 2.85 dengan sisihan piawai 0.46, manakala min pelajar bersekolah di luar bandar ialah 3.12 dengan sisihan piawai 0.53. Perbezaan min amalan pengajaran berkesan mengikut lokasi sekolah adalah signifikan di mana nilai t ialah -4.65 dan nilai p ialah .000. Dapatan menunjukkan pelajar bersekolah di luar bandar mempunyai pandangan yang lebih tinggi daripada pelajar bersekolah di bandar tentang kualiti pengajaran guru. Dapatan ini memberi erti bahawa pelajar bersekolah di luar bandar menunjukkan komitmen yang lebih tinggi semasa guru mengajar dan lebih fokus

kepada pengajaran guru.

Dapatan menunjukkan pelajar bersekolah di luar bandar mempunyai pandangan yang lebih tinggi daripada pelajar bersekolah di bandar tentang aras pengajaran guru. Hal ini bermakna guru yang mengajar di kawasan luar bandar mengambil berat tentang aras penguasaan pelajar sebelum pengajaran.

Selain itu, bagi domain insentif pula, min bagi pelajar bersekolah di bandar ialah 3.00 dengan sisihan piawai 0.63, manakala min pelajar bersekolah di luar bandar pula ialah 3.32 dengan sisihan piawai 0.54. Walau bagaimanapun, perbezaan min insentif mengikut lokasi sekolah adalah tidak signifikan di mana nilai t ialah -1.86 dan nilai p ialah .64. Dapatan menunjukkan bahawa lokasi sekolah tidak mempengaruhi amalan pengajaran berkesan guru bagi domain insentif. Ini menunjukkan bahawa amalan memberi ganjaran dan pujian kepada pelajar diamalkan oleh guru sama ada di sekolah bandar mahupun di luar bandar.

Selain itu, bagi domain masa pula, min bagi pelajar bersekolah di bandar ialah 3.00 dengan sisihan piawai 0.54, manakala min pelajar bersekolah di luar bandar pula ialah 3.23 dengan sisihan piawai 0.65. Walau bagaimanapun, perbezaan min bagi domain masa mengikut lokasi sekolah adalah signifikan di mana nilai t ialah -3.15 dan nilai p ialah .002. Dapatan menunjukkan bahawa pelajar di luar bandar lebih menghargai masa belajar daripada pelajar di bandar. Hal ini bermakna pelajar di luar bandar lebih peduli dan mengambil berat tentang waktu pembelajaran yang berkualiti di sekolah bagi memastikan isi pengajaran guru dapat difahami sepenuhnya.

Perkaitan antara amalan pengajaran berkesan guru dengan pencapaian pelajar.

Korelasi Amalan Pengajaran Berkesan Guru Dengan Pencapaian Pelajar

Bagi menjawab soalan kajian ketiga, penyelidik menggunakan analisis korelasi Pearson untuk melihat sama ada terdapat perkaitan yang signifikan antara amalan pengajaran berkesan guru dengan pencapaian pelajar.

Penyelidik menganalisis korelasi ini menggunakan nilai koefisien korelasi Pearson r berbentuk sama ada positif (+) atau negatif (-) bagi menunjukkan hubungan antara pemboleh ubah.

Kekuatan korelasi nilai r boleh diklasifikasikan sebagai hubungan yang baik atau tinggi apabila nilai r menghampiri 1.0 manakala hubungan yang lemah diklasifikasikan apabila nilai r menghampiri sifar. Klasifikasi ini ditunjukkan dengan jelas berdasarkan jadual berikut.

Jadual 8: Hubungan Amalan Pengajaran berkesan guru dengan Pencapaian pelajar

Amalan Pengajaran Berkesan guru	Pekali korelasi	Nilai p
Kualiti Pengajaran	.439*	.045
Kesesuaian Aras Pengajaran	.533	- .36
Insentif	.223**	.071
Masa	.911**	-.006

*Signifikan pada aras .05

**Signifikan pada aras .01

Jadual menunjukkan hubungan antara empat domain amalan pengajaran berkesan guru dengan pencapaian pelajar secara umum. Hubungan antara kualiti pengajaran dengan pencapaian pelajar adalah signifikan pada aras .05 dengan nilai r ialah .439 manakala hubungan kesesuaian aras pengajaran dengan pencapaian pelajar adalah tidak signifikan dengan nilai r .533. Bagi domain insentif dan masa hubungan adalah signifikan pada aras .01 dengan nilai r masing-masing .223 dan .911.

Dapatan ini menjelaskan bahawa terdapat hubungan antara tiga domain amalan pengajaran berkesan dengan pencapaian pelajar. Tiga domain tersebut ialah kualiti pengajaran, insentif dan masa. Hal ini menunjukkan pada tiga domain di atas, guru yang mempunyai kualiti dalam pengajaran, mengambil berat tentang pelajar dan boleh menguruskan waktu lebih cenderung meningkatkan pencapaian akademik pelajar.

pelajar tidak mempengaruhi pencapaian akademik pelajar. Hal ini bermakna pelajar berpandangan corak pengajaran guru tidak mendatangkan impak kepada pencapaian akademik pelajar.

Jadual 9: Hubungan Keseluruhan Amalan Pengajaran Berkesan guru dengan Pencapaian Pelajar

Amalan Pengajaran Berkesan guru			Pencapaian Pelajar			
	Min	SP	Min	SP	r	P
3.08	.47	1.90	.818	.699	<.022	

Berdasarkan keputusan jadual menunjukkan terdapat korelasi yang signifikan pada aras $p < .022$ antara amalan pengajaran berkesan guru dengan pencapaian pelajar $r(300) = 0.699$, $p < .022$. Analisis menggunakan ujian pekali korelasi Pearson menunjukkan terdapat hubungan yang sederhana antara pencapaian pelajar $r(300) = 0.699$, $p < .022$ dengan amalan pengajaran berkesan guru .

Ini bermakna pencapaian pelajar mempunyai perkaitan yang sederhana kuat dengan amalan pengajaran berkesan guru. Dapatan menunjukkan semakin lama guru mengajar dengan berkesan semakin tinggi tahap pencapaian pelajar. Sebaliknya guru yang kurang mengamalkan pengajaran berkesan menyebabkan pencapaian akademik pelajar menurun.

Keputusan ini memberi implikasi bahawa guru yang mengajar dengan berkesan memberikan hasil yang positif terhadap pencapaian pelajar dan kelemahan guru yang tidak mengajar dengan berkesan mengakibatkan penguasaan akademik pelajar merosot. Oleh itu, data memberikan bukti yang cukup untuk menyimpulkan bahawa terdapat korelasi yang signifikan di antara pencapaian pelajar dengan amalan pengajaran berkesan guru.

pengajaran berkesan guru dengan jantina sebaliknya terdapat perbezaan yang signifikan bagi faktor lokasi sekolah dimana pelajar yang bersekolah di luar bandar mempunyai pandangan lebih baik daripada pelajar tinggal di bandar. Ketiga, terdapat korelasi yang signifikan antara kualiti pengajaran, insentif dan masa dengan pencapaian pelajar.

PERBINCANGAN DAN CADANGAN

Bagi menjawab soalan kajian pertama, Berdasarkan dapatan soal selidik, amalan pengajaran berkesan guru B. Arab j-QAF di Pahang secara keseluruhannya adalah sederhana. Domain amalan pengajaran berkesan tertinggi ialah Insentif, diikuti Masa, Kesesuaian Aras Pengajaran dan yang terendah ialah Kualiti Pengajaran. Keseluruhan dapatan soal selidik Amalan Pengajaran berkesan guru yang diguna pakai oleh Shahril@Charil Hj Marzuki (2004) berpandukan model Slavin (1987) menunjukkan para guru mempunyai amalan pengajaran berkesan yang sederhana berdasarkan pandangan pelajar.

Walau bagaimanapun, terdapat aspek yang kurang dikuasai oleh guru terutamanya melibatkan kualiti pengajaran iaitu perancangan pengajaran, pengajaran secara teratur dan sistematik, penggunaan bahan bantu mengajar dan penerapan budaya berfikir. Keseluruhan dapatan domain Kualiti Pengajaran yang paling rendah menunjukkan terdapat aspek-aspek yang perlu ditingkatkan bagi menjayakan pengajaran berkesan.

Bagi soalan kajian kedua pula, dapatan menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara jantina pelajar terhadap amalan pengajaran berkesan guru. Hal ini bermakna pandangan pelajar lelaki dan perempuan adalah sama terhadap amalan pengajaran berkesan guru. Bagi faktor lokasi sekolah pula, terdapat perbezaan yang signifikan dalam pandangan terhadap amalan pengajaran berkesan guru. Pelajar yang bersekolah di luar bandar mempunyai pandangan yang lebih baik daripada pelajar yang bersekolah di bandar terhadap domain amalan pengajaran berkesan guru iaitu Kualiti Pengajaran, Kesesuaian Aras Pengajaran dan Masa.

Bagi soalan kajian ketiga pula, dapatan korelasi Amalan Pengajaran Berkesan dengan pencapaian pelajar memberikan bukti yang cukup untuk menyimpulkan bahawa terdapat korelasi yang signifikan di antara domain Kualiti Pengajaran, Insentif dan Masa dengan faktor pencapaian pelajar di dalam peperiksaan. Manakala domain Kesesuaian Aras Pengajaran menunjukkan tiada perkaitan yang rapat dengan pencapaian pelajar di dalam peperiksaan.

Tahap Amalan Pengajaran Berkesan Guru.

Pengajaran berkesan membawa erti seseorang pengajar atau guru yang memiliki pengetahuan yang luas dan mendalam mengenai sesuatu ilmu pengetahuan serta mempunyai kemahiran atau teknik professional yang tinggi. Kajian ini mengkaji tahap amalan pengajaran berkesan guru menggunakan soal selidik Amalan Pengajaran berkesan guru yang diguna pakai oleh Shahril@Charil Hj Marzuki (2004) berpandukan model Slavin (1987).

Keputusan statistik deskriptif menunjukkan bahawa tahap amalan pengajaran berkesan Guru Bahasa Arab di Pahang adalah sederhana. Keseluruhan dapatan menunjukkan domain tertinggi adalah Insentif diikuti oleh Masa, Kesesuaian aras pengajaran dan domain terendah adalah Kualiti Pengajaran. Dapatan ini mengukuhkan lagi kajian Arifin et.al (2012) yang mendapati tahap pengajaran guru Bahasa Arab adalah sederhana dan masih boleh dipertingkatkan lagi.

Berdasarkan soal selidik Amalan Pengajaran Berkesan yang dijalankan, domain insentif merupakan domain tertinggi berbanding domain-domain lain. Dapatan ini menunjukkan, guru mempunyai keinginan dan semangat bagi memastikan pelajar belajar bersungguh-sungguh bukan hanya menyampaikan pengetahuan yang diperlukan, tetapi turut menyelitkan kata-kata semangat dan dorongan kepada pelajar. Pelajar yang sering mendapat nasihat, galakan serta dorongan daripada guru secara logiknya akan memberi impak kepada sikapnya terhadap pembelajaran. Selain itu juga, budaya melakukan sesuatu pekerjaan dengan bersungguh-sungguh adalah satu nilai murni yang perlu diterapkan di peringkat

Kata-kata dan nasihat bermotivasi yang diungkapkan guru sebelum permulaan belajar berupaya membantu meningkatkan tahap pencapaian akademik pelajar (Zuria, 2007).

Domain kedua tertinggi ialah domain Masa yang menggambarkan bahawa pengurusan masa yang terbaik memberi impak kepada amalan pengajaran guru yang berkesan. Menurut Huitt (1995), pengurusan waktu pembelajaran yang berkualiti dan efektif menjadi kayu pengukur kepada keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah. Guru menurut pandangan pelajar, sangat mengambil berat soal pengurusan masa terutama ketika berada di sekolah. Hal ini didapati selari dengan kajian oleh Sazura (2012) yang mendapati aspek pengurusan masa sangat dititikberatkan oleh guru bahasa Arab bagi menayakan amalan pengajaran berkesan.

Domain yang menjadi tahap ketiga tertinggi ialah kesesuaian aras pengajaran. Menurut M.Faizal A. Ghani et.al (2014) aspek yang diharapkan pelajar bagi menjamin kecemerlangan dalam peperiksaan adalah pengajaran guru yang dilaksanakan mengikut kemampuan dan penguasaan pelajar. Domain ini sangat relevan kerana kebanyakan guru lebih cenderung mengajar demi menamatkan sukatan dan kurang prihatin terhadap tahap kefahaman pelajar. Keupayaan guru mengajar mengikut kesesuaian aras dan perbezaan individu pelajar akan membolehkan pelajar lebih cenderung untuk mencapai kejayaan (Corno dan Snow, 1986).

Manakala domain yang didapati terendah ialah kualiti pengajaran guru. Dapatan ini membuktikan bahawa keseluruhan guru menurut pandangan pelajar menguasai kaedah serta cara penyampaian isi pelajaran yang mudah diterima, bermakna dan difahami oleh pelajar. Menurut Abdul Razak & Rashidi Azizan (1997), seseorang pendidik haruslah menyampaikan isi pengajaran dengan tersusun dan lancar, penggunaan contoh-contoh yang tepat & sesuai dan penerangan yang jelas, ringkas dan senang difahami. Ini membolehkan mereka mengaitkan maklumat yang baru diterima dengan pengetahuan sedia ada (Rubina, 2010).

Oleh itu, guru seharusnya menyampaikan pengajaran yang berkualiti bagi membolehkan segala maklumat yang disampaikan memberi makna kepada pelajar dan ini memudahkan mereka untuk mengingat fakta lebih lama.

Keseluruhan dapatan soal selidik Amalan Pengajaran Berkesan yang telah diubahsuai oleh Shahril@Charil Hj Marzuki (2004) berpandukan model Slavin (1987) menunjukkan pelajar berpandangan guru boleh mengamalkan pengajaran berkesan dengan baik namun masih terdapat aspek yang perlu dipertingkatkan lagi agar menjadi lebih berkesan.

Perbezaan Terhadap Pengajaran Berkesan Berpandukan Jantina Pelajar.

Dapatan kajian menunjukkan, secara keseluruhan didapati tidak ada perbezaan yang signifikan antara pandangan pelajar lelaki dan perempuan terhadap Amalan Pengajaran Berkesan di kalangan guru. Ini menunjukkan mereka berkongsi pandangan yang sama tentang amalan pengajaran guru secara umumnya berkaitan domain kualiti pengajaran, kesesuaian aras pengajaran, insentif dan masa. Hal ini bererti pelajar lelaki dan perempuan bersetuju yang kualiti pengajaran, kesesuaian aras pengajaran, insentif dan masa merupakan domain penting dalam Amalan Pengajaran Berkesan guru.

Berdasarkan kajian yang dibuat, domain kualiti pengajaran menunjukkan skor min pelajar perempuan lebih tinggi dari pelajar lelaki. Walaupun pelajar lelaki dan perempuan berkongsi pandangan terhadap pengajaran guru mereka, namun pelajar perempuan didapati lebih bersikap positif dengan menunjukkan minat terhadap pengajaran guru, namun begitu perbezaan yang didapati tidak begitu ketara. Pelajar lelaki didapati lebih senang menampakkan minat mereka dengan melakukan aktiviti *hands-on* atau aktiviti berkumpulan yang lebih mencabar minda daripada diminta mendengar dengan teliti. Ini dikukuhkan lagi oleh dapatan kajian Mohd Saupi et. al (2005) yang menyatakan dalam pembelajaran bahasa pelajar-pelajar perempuan mempunyai minat pembelajaran yang lebih tinggi daripada pelajar-pelajar lelaki.

Bagi domain kesesuaian aras pengajaran, dapatan menunjukkan tiada perbezaan yang ketara antara kedua-dua kumpulan pelajar. Ini menunjukkan kedua-dua kumpulan pelajar mempunyai pandangan yang sama terhadap guru yang mengajar mengikut aras penguasaan pelajar. Menurut M.Faizal A. Ghani et.al (2014) aspek yang diharapkan pelajar terhadap pengajaran guru adalah pengajaran guru yang dilaksanakan mengikut kemampuan pelajar.

Selain itu, perbezaan juga adalah tidak signifikan bagi domain insentif di mana skor min perempuan lebih tinggi berbanding lelaki. Dapatan menunjukkan pelajar perempuan lebih berminat dengan tindakan guru di dalam memberikan hadiah, galakan, pujian dan kata-kata positif yang membina semasa pengajaran. Ini menunjukkan pelajar perempuan lebih melibatkan diri dalam pengajaran dan memberi tumpuan sepenuhnya ketika guru mengajar berbanding lelaki. Menurut Cruickshank (1985), terdapat tiga faktor yang menjadi penanda aras bagi kejayaan pelajar iaitu maklum balas positif dari guru, dorongan serta kata-kata semangat dan tahap komunikasi guru dan pelajar.

Manakala domain yang berkaitan masa, min bagi pelajar lelaki rendah berbanding min perempuan yang lebih tinggi. Kajian mendapati perbezaan pandangan diantara pelajar lelaki dan perempuan terhadap pengurusan masa oleh guru adalah tidak signifikan. Pelajar lelaki dan perempuan berkongsi pendapat yang sama tentang aspek pengurusan masa guru semasa di sekolah.

Perbezaan Terhadap Pengajaran Berkesan Dari Segi Lokasi sekolah.

Bagi perbezaan terhadap amalan pengajaran berkesan guru dari segi lokasi sekolah pula, dapatan menunjukkan natijah yang berbeza. Secara keseluruhannya, kajian mendapati terdapat perbezaan yang signifikan antara pelajar luar bandar dan pelajar di bandar terhadap Amalan Pengajaran Berkesan di kalangan guru. Ini bermakna pelajar yang bersekolah di luar bandar mempunyai pandangan yang lebih baik daripada pelajar yang bersekolah di bandar terhadap domain kualiti

pengajaran dan masa. Manakala domain insentif tidak menunjukkan perbezaan yang signifikan antara pelajar tinggal di bandar dan luar bandar.

Bagi domain kualiti pengajaran, dapatan ujian-*t* menunjukkan terdapat perbezaan yang ketara antara kedua-dua kumpulan yang tinggal di bandar dan yang tinggal di luar bandar. Hal ini bererti pelajar yang bersekolah di luar bandar berpandangan kualiti pengajaran guru adalah lebih baik berbanding pandangan pelajar yang bersekolah di bandar. Ini dikukuhkan lagi dengan kenyataan oleh Pintrich et al.,(1996) yang menyatakan bahawa faktor suasana dan lokasi sekolah tersebut membentuk corak pemikiran di kalangan mereka seterusnya mempengaruhi persepsi serta penerimaan mereka terhadap pengajaran guru.

Faktor kewujudan pusat-pusat tuisyen di bandar jelas memainkan peranan dalam membentuk corak pemikiran pelajar di bandar yang cenderung membandingkan kualiti pengajaran di sekolah dengan di kelas tambahan yang mereka hadiri. Sebaliknya pelajar yang bersekolah di luar bandar khususnya di kampung hanya terdedah kepada pengajaran guru di sekolah semata-mata. Oleh yang demikian pengajaran guru di sekolah mengikut pandangan mereka, adalah yang paling berkualiti dan terbaik. Jelas fenomena seperti ini menuntut komitmen para guru supaya meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran (P&P) di sekolah terutamanya yang bertugas di bandar agar menjadi lebih berdaya saing setanding dengan pusat-pusat pendidikan swasta yang lain.

Manakala bagi domain kesesuaian aras pengajaran pula, kajian mendapati pelajar luar bandar juga mempunyai pandangan yang lebih baik berbanding pelajar di bandar mengenai domain kesesuaian aras pengajaran berdasarkan perbezaan skor min. Ini menjelaskan corak pemikiran di antara pelajar di bandar dan luar bandar adalah berbeza terutama jika diukur dari suasana dan lokasi tempat tinggal (Pintrich et al.,1996). Oleh kerana cara pelajar-pelajar tersebut berfikir adalah berbeza, maka ironinya kita merumuskan bahawa tahap kefahaman mereka juga adalah berbeza-beza.

Bagi domain insentif, dapatan menunjukkan tiada perbezaan yang ketara antara kedua-dua kumpulan yang mana pelajar yang bersekolah di bandar dan luar bandar mempunyai pandangan yang



sama terhadap domain insentif. Berdasarkan pandangan pelajar, guru yang mengajar selalu menerapkan unsur-unsur galakan serta harapan agar belajar bersungguh-sungguh untuk mencapai kejayaan dan cita-cita yang telah ditetapkan.

Motivasi merupakan elemen yang sangat berkait rapat dengan domain insentif. Menurut Brown (1994), motivasi dianggap sebagai rangsangan dalaman, dorongan emosi atau keinginan seseorang bagi melakukan sesuatu tindakan tertentu. Guru yang berkesan bukan sekadar mampu membimbing pelajar untuk berjaya di dalam peperiksaan tetapi juga bertanggungjawab memberi galakan dan harapan kepada pelajar bagi merangsang mereka agar melakukan sesuatu dengan bersungguh-sungguh serta mempunyai matlamat.

Dalam konteks pembelajaran bahasa, motivasi dilihat sebagai melakukan sesuatu usaha yang membawa kepada pembelajaran bahasa. Ianya juga diaplikasikan dalam pembelajaran bahasa kedua dan bahasa asing sebagai percubaan dan keinginan untuk mempelajari bahasa dan membentuk tingkah laku positif ke arah itu.

Manakala domain masa pula memaparkan perbezaan yang signifikan terhadap amalan pengajaran berkesan guru di kalangan pelajar tinggal di bandar dan luar bandar. Pengurusan masa yang diamalkan guru di sekolah menurut pandangan pelajar yang bersekolah di luar bandar adalah lebih baik berbanding pelajar di bandar. Hal ini beerti pelajar luar bandar mengambil berat soal penggunaan masa yang diperuntukkan untuk guru mengajar di sekolah.

Faktor suasana dan lokasi pelajar belajar merupakan aspek yang penting dalam menjayakan pengurusan masa yang berkesan. Dalam erti kata lain, lokasi yang paling sesuai belajar ialah yang kurang gangguan secara visual serta bunyi, tersusun dan senyap (Pintrich et al., 1996). Apabila pelajar dapat belajar dengan tenang dan kurang gangguan, guru boleh memaksimumkan penggunaan masa dengan lebih berkesan. Dapatan kajian ini didapati selari dengan kajian Ghazali et. al. (2012) yang menyatakan pelajar yang bijak menguruskan masa dan memilih tempat belajar yang sesuai didapati lebih mahir dalam bahasa Arab berbanding rakan-rakan di tempat lain.

Kerajaan melalui Kementerian Pendidikan telah pun mengadakan program „Melindungi Masa Instruksional“ (MMI) bagi membolehkan guru dan pelajar menikmati suasana pembelajaran yang sebenar tanpa gangguan. Objektif program ini adalah untuk mengurangkan gangguan bagi mengelakkan kelas tidak berlangsung seperti yang dirancang dan memastikan kualiti masa instruksional yang menjamin pembelajaran berkesan dalam kalangan pelajar yang dilaksanakan para guru.

Korelasi Amalan Pengajaran Berkesan Guru Dengan Pencapaian Pelajar

Dapatan kajian menunjukkan secara umum, terdapat tiga domain amalan pengajaran berkesan guru Bahasa Arab di Pahang yang mempunyai perkaitan dengan pencapaian pelajar iaitu kualiti pengajaran, insentif dan masa. Walaubagaimanapun, domain kesesuaian aras pengajaran tidak mempunyai perkaitan dengan pencapaian pelajar. Ini disebabkan tahap ke signifikan alpha ($p < 0.05$) atau tahap keyakinan sebanyak 95% tidak dipenuhi setelah data diproses. Ini bermakna guru yang melaksanakan pengajaran berpandukan aras kebolehan pelajar tidak mendatangkan kesan ke atas pencapaian.

Secara keseluruhan, amalan pengajaran berkesan guru mempengaruhi pencapaian pelajar dari banyak aspek khususnya dalam pengajaran yang berkualiti, sokongan dari guru dan pengurusan masa yang berkesan. Hal ini dinyatakan oleh Proctor (1984),yang berpendapat keadaan sekolah termasuk aspek guru dan pengurusan memainkan peranan penting dan mempunyai kesan ke atas pencapaian pelajar.

Proctor turut berpendapat campur tangan semua pihak termasuk pentadbir sekolah, komuniti dan kerajaan memainkan peranan yang penting bagi memastikan kejayaan serta kecemerlangan pelajar bukan hanya terletak di bahu guru sahaja. Kesimpulannya interaksi serta penglibatan pelajar, guru pihak sekolah serta masyarakat sangat penting dalam menjamin kecemerlangan pelajar dalam peperiksaan.

Kajian mendapati daripada analisis mengenai perkaitan antara domain kualiti pengajaran dengan pencapaian pelajar, nilai korelasi yang terhasil menunjukkan hubungan adalah sederhana kuat. Manakala nilai signifikan (p) yang didapati dari analisis membawa makna yang signifikan kerana nilai tersebut lebih kecil dari nilai alpha (0.05). Secara ringkasnya, ini bermakna pengajaran & pembelajaran guru yang berkualiti mempunyai hubungan dengan pencapaian pelajar dalam ujian bahasa Arab.

Dapatan ini adalah selari dengan hasil kajian Faizal et. al (2008) yang menyatakan faktor pengajaran guru yang berkualiti adalah penyebab utama dan dianggap dominan dalam meningkatkan pencapaian pelajar di dalam peperiksaan.

Dapatan kajian selanjutnya adalah samada terdapat hubungan yang signifikan antara Kesesuaian aras pengajaran dengan pencapaian pelajar. Nilai korelasi yang didapati menunjukkan hubungan yang lemah. Manakala nilai signifikan (p) yang diperoleh dari analisis data yang dibuat menunjukkan nilai yang tidak signifikan. Ini bermakna kesesuaian aras pengajaran tidak mempunyai perkaitan yang signifikan dengan pencapaian pelajar. Guru yang mengajar mengikut aras kemampuan pelajar belum pasti dapat meningkatkan pencapaian di dalam peperiksaan.

Penambahbaikan terhadap pengajaran guru penting bagi mengelakkan pengajaran lebih terarah kepada menghabiskan sukatan mata pelajaran semata-mata. Perkara paling asas bagi seseorang guru yang mengajar ialah mengenal pasti tahap kebolehan pelajar bagi memudahkan mereka memahami isi kandungan yang diajar guru.

Guru perlu sentiasa peka dengan kepelbagaian aras pelajar disebabkan setiap dari mereka memiliki tahap pemahaman yang berbeza-beza. Pengetahuan mengenai kepelbagaian aras pelajar membantu guru mengenal pasti pelajar yang memerlukan sokongan moral dan juga motivasi untuk mengatasi kesukaran belajar. Kemampuan guru dalam memenuhi keperluan pelajar yang berbeza aras penguasaan serta pemahaman menjadi aset terpenting dalam meningkatkan tahap pencapaian pelajar. Dapatan kajian ini mengukuhkan lagi kajian M.Faizal A. Ghani et.al (2014) yang menyatakan aspek

yang diharapkan pelajar terhadap pengajaran guru adalah pengajaran guru yang dilaksanakan mengikut kemampuan pelajar.

Domain insentif di dapati mempunyai hubungan yang sederhana kuat dengan pencapaian pelajar. Manakala nilai signifikan (p) yang diperolehi menandakan hubungan antara insentif dengan pencapaian pelajar adalah signifikan.

Hal ini bererti, insentif mempunyai perkaitan signifikan dengan peningkatan pencapaian pelajar dalam bahasa Arab. Guru yang selalu memberi dorongan serta galakan supaya berjaya kepada pelajar mampu mendatangkan impak kepada pencapaian mereka dalam peperiksaan. Hal ini didapati selari dengan kajian oleh Zuria (2007) mendapati bahawa ciri-ciri guru dan penampilan yang positif serta memberikan kata-kata yang bermotivasi sebelum permulaan belajar berupaya membantu meningkatkan tahap pencapaian akademik pelajar.

Selain itu, harapan yang tinggi serta positif juga akan memberi semangat kepada mereka untuk belajar bersungguh-sungguh dan memberi kesan positif kepada pencapaian pelajar (Brophy et. al, 1986). Pelajar beranggapan bahawa guru yang sentiasa memberi galakan atau ganjaran adalah individu yang peka kepada keadaan emosi dan fizikal mereka. Faktor galakan dan memberi ganjaran ini dikenalpasti sebagai antara faktor yang menjadi penanda aras bagi kejayaan pelajar (Cruickshank, 1995). Selain itu faktor maklum balas positif dari guru dan kekerapan komunikasi guru dan pelajar turut mempengaruhi pencapaian pelajar.

Domain masa juga di dapati mempunyai hubungan yang sederhana dengan pencapaian pelajar, memberi makna bahawa masa mempunyai perkaitan signifikan dengan pencapaian pelajar dalam bahasa Arab. Guru yang sentiasa mengamalkan pengurusan masa yang berkesan ketika berada di sekolah mampu meningkatkan pencapaian pelajar mereka dalam mata pelajaran Bahasa Arab.

Dapatan ini selari dengan dapatan kajian Ghazali et.al, (2012) yang menerangkan bahawa pengurusan masa yang bijak serta cekap banyak mempengaruhi peningkatan pelajar

peperiksaan. Selain itu, faktor lokasi dan pemilihan tempat belajar yang sesuai juga akan meningkatkan lebih kemahiran berbahasa dalam bahasa Arab.

Justeru, penyelidik mendapati faktor yang mempunyai perkaitan dengan pencapaian pelajar merupakan faktor kualiti pengajaran, insentif dan masa. Manakala faktor kesesuaian aras pengajaran di anggap tidak memberi kesan kepada peningkatan pencapaian pelajar.

CADANGAN KAJIAN LANJUTAN

Kajian ini melihat secara khusus kepada amalan pengajaran guru Bahasa Arab di sekolah kebangsaan negeri Pahang sahaja. Skop kajian ini boleh dilaksanakan di sekolah-sekolah lain di beberapa negeri lain bagi melihat samada wujud dapatan yang sama di tempat lain.

Selain itu, kajian ini menggunakan item soal selidik dan mempunyai batasan dalam menganalisis maklumat. Sekiranya kaedah-kaedah lain digunakan sebagai contoh kaedah temu bual, pemerhatian dan sebagainya memungkinkan dapatan yang diperoleh berbeza. Penyelidik juga mencadangkan kajian yang akan datang menggunakan teori yang berbeza dan mengambil kira pemboleh ubah lain seperti aspek beban kerja guru dan kepuasan bekerja dalam memastikan pengajaran menjadi lebih efektif. Perhatian juga harus diberikan kepada kemenjadian atau sahsiah pelajar tidak sekadar diukur menerusi peningkatan akademik.

Penyelidik turut mencadangkan pihak Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) dan Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) menganjurkan kursus dan bengkel bagi memberi pendedahan dan pemantapan pedagogi kepada guru khususnya bagi pelajar yang menghadapi masalah pembelajaran dan berkeperluan khas. Pengajaran guru juga harus berubah dengan penggunaan alat bantu mengajar yang seiring dengan dunia teknologi kini. Guru perlu sedar bahawa pelajar yang berjaya pada masa kini bergantung kepada corak pengajaran guru yang seiring dengan perkembangan teknologi semasa



(Faizal et. al.,2008). Penyelidik juga mencadangkan setiap guru juga diberi kursus jangka pendek yang berkaitan dengan ilmu psikologi kanak-kanak khususnya penekanan kepada kemahiran kaunseling dan cara mengenali personaliti individu dalam usaha guru memenuhi keperluan pelajar yang berbeza-beza mengikut aras.

KESIMPULAN

Perbincangan dalam bab ini berkaitan dapatan kajian dengan mengaitkan dapatan-dapatan kajian yang signifikan daripada kajian lepas. Berdasarkan dapatan kajian didapati amalan pengajaran guru Bahasa Arab di Pahang berada pada tahap sederhana. Tidak ada perbezaan yang signifikan antara amalan pengajaran guru dengan jantung, tetapi terdapat perbezaan yang signifikan antara amalan pengajaran guru dengan pelajar yang bersekolah di luar bandar.

Kajian ini juga mendapati hanya faktor kesesuaian aras pengajaran dalam amalan pengajaran berkesan yang tidak mempunyai hubungan yang signifikan dengan peningkatan pencapaian akademik pelajar. Model yang digunakan dalam kajian telah membantu penyelidik membuat penilaian tentang keberkesanan kajian. Akhirnya, kajian ini telah membincangkan rumusan dari dapatan kajian, implikasi dan seterusnya mengemukakan beberapa cadangan berkaitan bidang pendidikan yang difikirkan munasabah dikaji pada masa hadapan.

RUJUKAN

- Abdul Razak Habib & Rashidi Azizan. (1997). Hubungan antara Stail Pembelajaran dengan pencapaian sains dan matematik sekolah menengah rendah. *Jurnal Pendidikan*, 22, 39–49.
- Al-Muslim Mustapa & Zamri Arifin. (2012). Pengajaran dan pembelajaran bahasa arab:satu tinjauan literatur di negeri sembilan. In *Persidangan Kebangsaan Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Arab 2012* (Vol. 2012, pp. 278–285).
- Brown, A. V. (2009). Students' and teachers' perceptions of effective foreign language teaching: A comparison of ideals. *Modern Language Journal*, 93, 46–60. doi:10.1111/j.1540-4781.2009.00827.
- Calderón, M., Slavin, R., & Sánchez, M. (2011). Effective instruction for English learners. *The Future of Children / Center for the Future of Children, the David and Lucile Packard Foundation*, 21, 103–127. doi:10.1353/foc.2011.0007 /
- Caroll, J. B. (1963). *A Model of school learning*. Teachers College Record. Cruickshank, R. D. (1985). Applying research on teacher clarity. *Journal of Teacher Education*, 35(2), 44–48
- Ghazali Yusri, Nik Mohd Rahimi, Parilah M. Shah, Wan Haslina Wah, Muhammad Sabri Sahrir. (2012). Penggunaan Bahasa Arab Lisan Dan Hubungannya Dengan Strategi Pengurusan Sumber Oral Arabic Practice And Its Relationship With Resource Management Strategies. *GEMA OnlineTM Journal of Language Studies*, 12, 505–520.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2012). Standard Guru Malaysia. Dimuat turun daripada <http://www.moe.gov.my/sgm/>
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2012). *Dasar Pendidikan Kebangsaan (Edisi Ketiga)*. Putrajaya: Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2012). *Laporan Awal Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025*. Putrajaya.
- Marzano, R., & Marzano, J. (2003). The Keys to Classroom Management. *Educational Leadership*, 61, 6–13.
- Muat turun dari <http://www.schoolimprovement.com/classroom-management-keys/>

- Marzano, R. J. (2007). *The Art and science of teaching : a comprehensive framework for effective instruction. Supervision* (p. 221). Retrieved from <http://www.loc.gov/catdir/toc/ecip0711/2007005994.html>
- Mohd. Saupi, Hj. Md. Said; Goh & Y. S. (2005). Bahasa Perancis sebagai bahasa asing:Kajian persepsi dan sikap di kalangan pelajar Melayu di UiTM Terengganu. *IRDC*.
- Muhammad Faizal A. Ghani & Julie William. (2014). Harapan Murid Bermasalah Terhadap Pengajaran Guru : Satu Kajian Awal Di Sebuah Negara Maju. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 26–43.
- Muhammad Faizal A. Ghani & Shahril @ Charil Hj Marzuki. (2008). Model Sekolah Berkesan: Satu Perubahan Berdasarkan Tuntutan Semasa. *Masalah Pendidikan*, 31.
- Muhammad Sabri Sahrir, Nor Aziah Alias, Zawawi Ismail & Nurulhuda Osman. (2012). Employing Design and Development Research (ddr) Approaches in the Design and Development of Online Arabic Vocabulary Learning Games Prototype. *GEMA Online Journal of Language Studies*, 11(2), 108–119.
- Rahim @ Saleh Ramly . (2009). *Penguasaan Perbendaharaan Kata Bahasa Arab Dalam Kalangan Murid Sekolah Kebangsaan Menerusi Program j-QAF: Satu Kajian Kes*. Universiti Malaya.
- Rohani Arbaa, Hazri Jamil, & Nordin Abd Razak. (2010). Hubungan Guru-Pelajar dan Kaitannya dengan Komitmen Belajar Pelajar : Adakah Guru Berkualiti Menghasilkan Perbezaan Pembelajaran antara Jantina Pelajar ? *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 35(2), 61–69.
- Sazura Zakaria, (2012). *Amalan Pengajaran Berkesan Guru Bahasa Arab Di SMKA Negeri Kedah*. Laporan Penyelidikan Sarjana Pendidikan. Fakulti Pendidikan Universiti Malaya (UM),Kuala Lumpur.
- Shahril @ Charil Hj Marzuki. (2004). Amalan Pengajaran Yang Berkesan: Kajian di Beberapa Sekolah Menengah di Wilayah Persekutuan dan Selangor. *Jurnal Pendidikan 2004,Universiti Malaya*.
- Siti Sarah Insyirah & Mohd Azhar Zailani. (2013). Desuggestopedia Dalam Pengajaran Kosa Kata B.Arab Murid Sekolah Rendah:Kajian Literatur. In *International Conference on Teacher Education in The Muslim World 2013* (pp. 1–21).
- Zawawi Ismail, Mohd Sukki Othman, & Abd Raof hassan. (2005). Masalah Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab di Malaysia. In *Pendidikan bahasa arab di Malaysia : cabaran & Inovasi* (pp. 96–113).
- Zawawi Ismail, Abd Halim Tamuri, Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff & Mohd Ala-Uddin Othman. (2011). Teknik Pengajaran Kemahiran Bertutur Bahasa Arab Di SMKA Techniques



For Teaching Arabic Speaking Skills In National Religious Secondary Schools In Malaysia. *GEMA OnlineTM Journal of Language Studies*, 11(May), 67–82.

Zuria Mahmud & Mohammad Yaacob (2007). The Relationship of Teacher “ s Immediacy to Student Motivation and Student Learning : A Literature Analysis. *Jurnal Pendidikan*, 32, 91–101.

